

KOLEJ SULTAN ALAEDDIN SULEIMAN SHAH
SULTAN ALAEDDIN SULEIMAN SHAH COLLEGE

Rujukan kami: UPM.KOSASS/700-4/1/2

Tarikh : 29 April 2024

Mahasiswa/Mahasiswi

Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah
Universiti Putra Malaysia

Saudara/Saudari,

PEKELILING CUTI PERTENGAHAN SEMESTER KEDUA SESI 2023/2024

Adalah dimaklumkan bahawa cuti pertengahan semester akan bermula dari **6 - 12 Mei 2024 (Isnin-Ahad)**. Sehubungan itu, semua pelajar Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:

I. Kunci Bilik:

Kunci bilik tidak perlu dikembalikan, namun semua pelajar dikehendaki meninggalkan bilik dalam keadaan bersih. Pintu dan tingkap dikunci serta memastikan semua suis alatan elektrik dipadamkan sebelum meninggalkan bilik.

II. Penyimpanan Barang

Pelajar boleh menyimpan barang di dalam bilik tetapi pihak pengurusan kolej tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan barang yang disimpan. Pastikan barang yang berharga dibawa pulang.

III. Kesalahan Denda

Pelajar yang menumpangkan orang lain di bilik mereka akan dikenakan denda RM50.00 dan dipotong mata merit sebanyak 10 mata.

2. Staf dan felo akan membuat pemeriksaan di setiap blok dan bilik dari masa ke semasa. Pihak Pengurusan Kolej mengucapkan terima kasih di atas perhatian dan Kerjasama yang diberikan.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA DR. AMINI AMIR BIN ABDULLAH
Pengetua
Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah

s.k - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Pegawai Tadbir KOSASS